

29 MAY 1998

PENGANALISIS SOKONG PANDANGAN DAIM MENGENAI KADAR FAEDAH

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Para penganalisis telah melahirkan sokongan mereka terhadap amaran Tun Daim Zainuddin bahawa kadar faedah yang tinggi dan kredit yang terlalu ketat mungkin menyebabkan Malaysia menuju ke arah kemelesetan ekonomi.

Pendirian institusi-institusi kewangan yang terlalu berhati-hati dalam mengekang pemberian pinjaman, terutamanya, telah dikenalpasti sebagai perkara yang melembapkan pertumbuhan ekonomi negara, dan yang boleh menyebabkan sasaran pertumbuhan 2.5 peratus tidak berjaya untuk dicapai.

Daim, penasihat ekonomi kepada kerajaan, pada Rabu lalu memberi amaran bahawa kadar faedah yang tinggi dan keengganan bank-bank untuk memberi pinjaman, walaupun kepada sektor-sektor produktif, akan memberikan kesan terbantutnya ekonomi negara.

Para penganalisis yang dihubungi oleh Bernama menyatakan kebimbangan mereka bahawa pengecutan pertumbuhan kredit yang terlalu cepat dan juga pendirian bank-bank yang tegas boleh menyebabkan negara menempoh ranjau yang lebih menyukarkan, dan sehingga ekonomi tidak berkembang.

Seorang penganalisis dari sebuah firma broker wang berkata kebimbangan utama masyarakat perniagaan adalah kadar pinjaman, yang dirasakan terlalu tinggi.

Kadar pinjaman sekarang di antara 14 dan 15 peratus yang dikenakan oleh bank-bank akan menyekat perniagaan-perniagaan, katanya dan mencadangkan supaya ianya harus dilegakan sedikit ke paras 12 peratus, iaitu paras sebelum krisis kewangan yang menghantui rantau ini.

"Kadar faedah yang lebih tinggi hanya akan menyebabkan banyak perniagaan kerugian wang dan syarikat-syarikat muflis, yang tidak berguna kepada sesiapa," kata penganalisis itu.

"Jika senario kadar pinjaman antara bank berterusan bagi tempoh yang agak panjang, ini akan menghasilkan kadar pinjaman asas (BLR) yang lebih tinggi yang akan menjadikan pinjaman perniagaan menjadi lebih mahal dan tidak dapat dicapai oleh ramai," tambahnya.

Dalam kata lain, kadar faedah yang tinggi boleh menyebabkan lebih banyak masalah, menghasilkan pinjaman tidak berbayar dan kemungkiran di tengah-tengah kelemahan ringgit.

Pada masa ini, kadar tawaran antarabank Kuala Lumpur (KLIBOR) bagi tiga bulan adalah 11.00 peratus, yang menghasilkan paras maksimum BLR kira-kira 12 hingga 13 peratus. Para penganalisis berkata paras maksimum seperti itu menjahanamkan ekonomi kerana membayangkan kadar yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan akan setinggi 14 atau 15 peratus.

Sebenarnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun mempersoalkan dasar kadar faedah yang tinggi dan pengurangan kredit sebagai satu penawar.

Dalam satu ucapan yang dibentangkan dalam satu seminar di sini semalam, beliau berkata langkah-langkah seperti itu akan memuflikan syarikat-syarikat, menyebabkan pekerja-pekerja kehilangan pekerjaan dan menggalakkan rusuhan dan ketidakstabilan politik, tanpa memberi kiasan terhadap perkembangan di negara jiran Indonesia, baru-baru ini.

Walaupun ekonomi Malaysia dijangka pulih menjelang suku pertama tahun depan, pihak-pihak tertentu mempunyai pandangan bahawa struktur kadar faedah yang tinggi mungkin melambatkan pemulihan itu.

Mereka percaya pengurangan kadar faedah akan bergantung kepada ringgit. Ringgit telahpun berlegar antara 3.84 dan 3.85 bagi setiap dolar Amerika

dalam dua bulan lepas.

Kestabilan ringgit dilihat sebagai pra-syarat kepada pemulihan pasaran yang mampan, kata seorang daripada mereka.

Oleh itu, penganalisis dari sebuah bank, berkata Malaysia harus bersedia menghadapi ranjau yang lebih memeritkan pada masa akan datang walaupun melaksanakan langkah-langkah untuk merangsang ekonomi.

Bagaimanapun, dengan nada optimis, beliau berkata: "Kita tidak seteruk beberapa jiran kita."

Dalam langkah untuk meneraju negara keluar daripada krisis kewangan, Bank Negara pada akhir tahun lepas meminta institusi-institusi kewangan supaya menyerahkan rancangan kredit mereka bagi tahun ini berdasarkan kepada penilaian mereka sendiri mengenai risiko dan peluang. Hasilnya, bank pusat itu mengarahkan supaya pertumbuhan kredit negara ini dikawal pada paras 15 peratus tahun ini berbanding dengan pertumbuhan 25 peratus tahun lepas.

Penganalisis itu bersetuju dengan kenyataan Daim baru-baru ini bahawa bank-bank, yang telah memberikan pinjaman terlalu banyak sebelumnya, kini mengambil langkah yang sebaliknya, walaupun kepada sektor-sektor yang diberikan keutamaan.

Bank-bank yang tersilap dalam keutamaan mereka juga dikritik oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana terlalu berhati-hati dalam pendekatan pinjaman mereka, yang jika tidak diawasi, akan membantutkan kegiatan-kegiatan ekonomi, walaupun pada masa-masa sukar sekarang.

Menurut perangkaan terbaru yang dikeluarkan oleh Public Finance dan Pacific Bank, pertumbuhan pinjaman mereka naik masing-masing sebanyak 6.6 peratus dan 0.6 peratus dalam suku pertama tahun ini apabila dibandingkan dengan suku terakhir 1997.

Ekoran daripada perkembangan dalam industri ini, Daim juga berkata sasaran pertumbuhan kredit 15 peratus yang dibuat bagi 1998 mungkin memperlihatkan bank-bank melampaui sasaran itu, dan memberikan isyarat bahawa kredit akan mengecut ke paras yang lebih rendah daripada yang diharapkan, satu gambaran kemelesetan kegiatan perniagaan.

Dalam lain perkataan perniagaan boleh terhenti kecuali langkah-langkah positif dilaksanakan untuk mengadakan kredit, kata penganalisis lain.

Menurut perangkaan terbaru yang dikeluarkan oleh bank pusat, kadar pertumbuhan pinjaman tahunan pada April susut kepada 14.7 peratus daripada 16.9 peratus pada Mac.

Di tengah-tengah pengecutan kredit, Daim juga berkata kerisauan mengenai kemelesetan, tiada pertumbuhan dan inflasi boleh menjadi realiti jika tiada langkah-langkah positif diambil.

Seorang penganalisis berkata dasar kadar faedah yang tinggi akan hanya menyebabkan banyak perniagaan kerugian wang dan syarikat-syarikat muflis, yang tidak memberikan manfaat kepada sesiapa.

Malaysia, katanya, tidak sepatutnya meniru sahaja cara melangkah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). "Apa yang lebih penting adalah mempunyai pendekatan yang berimbang dalam menangani masalah-masalah," katanya.

Seperti yang ditunjukkan di Indonesia, beliau berkata dasar ekonomi yang tertalu tegas menyebabkan implikasi sosial yang buruk yang pada akhirnya menyebabkan langkah-langkah pemulihan tidak berguna langsung.

Sementara kadar faedah dijangka meningkat lagi kerana keadaan mudahtunai yang ketat dalam sistem sekarang, para penganalisis percaya bahawa bank pusat akan terus memastikan kestabilan kadar faedah.

Ringgit yang lebih stabil akan membenarkan dasar kadar faedah yang lebih melegakan, yang akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan ekuiti.

Beliau bagaimanapun, berasa bahawa kerajaan mungkin tidak meningkatkan

kadar faedah kerana pada teorinya, kadar faedah yang lebih tinggi akan menarik pelaburan asing jangka pendek, yang akan mengalir keluar secepat keuntungan yang didapati.

Walaupun kos sebenar pinjaman telah turun kepada paras yang lebih rendah daripada 16 peratus berbanding dengan antara 16 dan 20 peratus beberapa bulan lepas, kos sekarang masih tinggi secara bandingannya. Paras seumpama itu tidak boleh dibayar faedahnya oleh banyak syarikat dan ahli perniagaan.

Daim, yang berasa kadar faedah mungkin turun jika RM20 bilion yang dilaporkan disimpan di luar negara dibawa pulang dan disimpan di bank-bank tempatan, juga telah mempersoalkan berapa banyak seseorang itu harus bayar untuk membayar faedah pinjamannya pada kadar faedah yang tinggi sekarang.

-- BERNAMA
AA JR MA